

10 DEC 1996

NGO/KESATUAN DIINGATKAN JANGAN SOKONG ISU BUKAN DAGANGAN DLM WTO

SEPANG, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kesatuan sekerja di Malaysia daripada menyokong lobi Amerika Syarikat untuk memasukkan perkara-perkara bukan dagangan dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Beliau berkata jika persoalan bukan dagangan dimasukkan dalam agenda mesyuarat WTO, yang sedang bersidang di Singapura untuk melakarkan arah aliran masa depan perdagangan, para pekerja Malaysialah yang akhirnya akan kerugian.

Dr. Mahathir berkata bahawa alasan sebenar Amerika mendesak dimasukkan perkara bukan dagangan ke dalam WTO bukan kerana "mereka memberi perhatian berat tentang taraf buruh, tetapi kerana mereka ingin menghancurkan daya saingan Malaysia."

"Jika kita sokong mereka, satu hari nanti kita akan jadi penganggur manakala mereka yang mempunyai pekerjaan ialah yang dari negara-negara maju," katanya kepada pemberita selepas melawat kemajuan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Yang turut hadir ketua setiausaha Perbendaharaan yang juga pengerusi Kuala Lumpur International Airport Bhd (KLIAB), Tan Sri Clifford Herbert, dan menteri kerjaraya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Malaysia tiada kelebihan bersaing selain daripada kos hidup yang rendah yang memberikan taraf hidup yang tidak kurang daripada yang dinikmati negara-negara maju, kata beliau.

Amerika Syarikat lebih gemar mempunyai kadar pengangguran 10 hingga 15 peratus dan memberikan insentif saguhati setiap bulan untuk tidak bekerja bagi menjamin gaji yang tinggi kepada yang bekerja, menurutnya.

Ditanya kemungkinan Amerika Syarikat akan mengenakan taktik memaksa bagi menyokong matlamat mereka pada persidangan WTO, Dr Mahathir berkata: "Kita tengoklah, kalau selalu buat 'strong-arm tactic' lebih baik tak usah ada WTO. Kita patuh sahajalah kepada apa yang dikehendaki Amerika Syarikat."

"Apa guna kata ada rundingan. Cakap berkenaan demokrasi tetapi dia (Amerika Syarikat) kilas tangan orang (lain)," katanya.

Sebailknya, apabila kerajaan Malaysia mengambil langkah berkeras biarpun sedikit, pihak Amerika akan cepat menuduh negara tidak demokratik, katanya.

"Sepatutnya ada demokrasi antarabangsa serta demokrasi nasional," tambah Dr. Mahathir. -- BERNAMA

AD SIA